



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

7 APRIL 2023 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

7 APRIL 2023 (JUMAAT)

Pemborong, pengedar, pembungkus berpakat seleweng minyak

Oleh NURAINA
HANIS ABD. HALIM
hanis.halim@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Penyelewengan minyak masak subsidi banyak membabitkan pakatan antara pemborong, pengedar dan pembungkus sebelum minyak tersebut dibotolkan untuk dijual kepada pihak industri atau diseludup ke negara jiran bagi mengaut keuntungan berlipat ganda.

Bagi terus mendapat bekalan bersubsidi, kumpulan tersebut akan memalsukan invoice pengedaran minyak masak subsidi yang kononnya habis dijual di pasaran tempatan.

Memberitahu kepada *Utusan Malaysia*, sumber berkata, memalsukan invoice yang dikemukakan kepada penguat kuasa kerap



Sindiket akan menjual minyak masak bersubsidi yang dibungkus dalam botol dengan menyeludup ke negara jiran.

SUMBER

berlaku melibatkan syarikat pembungkus yang dibekalkan sejumlah minyak masak secara bulanan iaitu antara 50 tan hingga 500 tan (100,000 ke 500,000 kilogram).

Menurut sumber, syarikat pem-

bungkus akan dibayar kira-kira 60 sen bagi setiap sekilogram minyak masak bersubsidi kerajaan.

"Ketirisan dipercayai berlaku apabila mereka membungkus semula minyak masak bersubsidi ke dalam botol menggunakan jenama syarikat untuk dijual ke pihak industri dengan harga berlipat ganda kerana ia bukan di bawah kawalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Bagaimanapun mereka membuat tuntutan palsu dengan membuktikan kuota subsidi itu telah habis digunakan dalam pasaran tempatan dengan harga RM2.50 sekilogram walhal ia diseleweng dengan dijual pada harga lebih mahal," katanya di sini semalam.

Jelas sumber, walaupun banyak penguatkuasaan dilakukan

namun penyelewengan barang bersubsidi tidak akan terhenti apabila wujud 'demand' dan 'supply' terutama dari negara jiran.

"Sindiket akan menjual minyak masak bersubsidi yang dibungkus dalam botol dengan menyeludup ke negara jiran. Ini tidak dinafikan memang ada berlaku," katanya.

Sementara itu, Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, dalam tempoh empat tahun ini, sebanyak 679 kes penyelewengan minyak masak melibatkan RM15.88 juta dikesan sejak 2019 hingga tahun lalu.

Menurut beliau, jumlah tersebut melibatkan 106 kes pada 2019 (RM12.88 juta); 79 kes dengan nilai RM664,856 (2020); 188 kes pada 2021 (RM1.95 juta) dan 306 kes dengan nilai rampasan RM1.47 juta untuk tahun lalu.

"Pihak KPDN sentiasa melakukan risikan, pemantauan dan operasi bagi memastikan penyelewengan dan ketirisan barangan bersubsidi dibanteras habis-habisan," jelasnya.

Semalam media melaporkan dua pengarah syarikat termasuk anak kepada bekas menteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban, Negeri Sembilan atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan, tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Faisal Hamzah, 39 dan Azizul Abdul Halim, 55, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim, Mazni Nawati selepas keratan pertuduhan dibacakan jurubahasa.



SALAHUDDIN (kiri) melihat juadah yang ditawarkan di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur semalam.

Hotel digesa tawar harga Rahmah

KUALA LUMPUR – Pengusaha hotel digesa menawarkan harga mampu milik untuk semua lapisan masyarakat menerusi inisiatif Payung Rahmah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, setakat ini terdapat dua hotel menawarkan pakej penginapan dengan harga Rahmah iaitu masing-masing di Sandakan, Sabah dan Kampung Baru, di sini.

"Sekiranya ada empat atau lima lagi hotel menawarkan pakej Rahmah ini di sekitar Kuala Lumpur terutamanya bagi sepanjang Ramadan ini akan jadi berita gembira untuk kita.

"Sebab ramai yang datang ke Kuala Lumpur untuk beli-belah

sambut Aidilfitri, jadi dapat bantu mereka," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, Tamu Hotel & Suites merupakan hotel pertama di Malaysia yang melancarkan Pakej Rahmah di bawah gabungan pakej perkhidmatan dan iftar.

"KPDN melihat inisiatif ini sebagai salah satu tawaran yang sangat berbaloi untuk dinikmati oleh setiap lapisan golongan masyarakat bukan sahaja tertumpu golongan B40 semata-mata," jelasnya.

Tambahnya, pihaknya terus berhasrat untuk meneruskan usaha dalam membantu meringankan beban serta kebajikan rakyat di negara ini dalam pelbagai bentuk.

Jualan Rahmah looks to expand with more sign-ups



Looks good: Salahuddin seen during the launch of Payung Rahmah with Rasaku in Shah Alam, Selangor. — KK SHAM/The Star

By **BENJAMIN LEE**
benkh@thestar.com.my

SHAH ALAM: The Jualan Rahmah initiative may be expanded to cover more local ingredient manufacturers this festive season, says the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

Its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said he is confident that with the newest commitment from local household ingredients brand Rasaku, more manufacturers will eventually join as word of the movement spreads in the industry.

"With big names leading by example, it will make it easier for others in the food production industry to reference their existing Jualan Rahmah campaigns and follow suit.

"This will benefit brands through increased positive publicity while also

helping households secure the ingredients they need to have a joyful celebration this coming Hari Raya.

"Discounted ingredients will also help out vendors operating during this Ramadan period, especially those that barely get by with the day-to-day sales they make," he said during the launch of Rasaku's Jualan Rahmah initiative yesterday.

Rasaku, the second food production manufacturer to join the initiative after local biscuit manufacturer Julie's, will be offering discounts of between 15% and 30% on a number of its popular ingredients including coconut milk, toasted coconut paste and soy sauce.

These discounted products will be available on the shelves of popular supermarkets across the country until the end of the Jualan Rahmah initiative is announced by the ministry.

Two hotels join Rahmah initiative

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry expressed hope that more hospitality companies would join the *Payung Rahmah* initiative by offering packages to help increase the growth of the domestic tourism sector.

Its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said so far, two hotels have joined the initiative, namely Hotel Elopura in Sandakan, Sabah and Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur.

"This package is a very valuable attraction for those wanting to come to Kuala Lumpur for shopping. At the same time, it improves the growth of the local hospitality and tourism industry.

"So, we hope more hospitality companies can provide Rahmah packages like this in any form and not necessarily only during Ramadan," he said after the launch of the Rahmah Package by Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

7 APRIL 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 APRIL 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Apr	Tamu hotel pertama tawar pakej Rahmah – Salahuddin	https://malaysiagazette.com/2023/04/06/tamu-hotel-pertama-tawar-pakej-rahmah-salahuddin/	MALAYSIAGAZETTE
7-Apr	Minister urges more hoteliers to offer Rahmah accommodation package	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/04/896939/minister-urges-more-hoteliers-offer-rahmah-accommodation-package	NST
7-Apr	Domestic Trade Ministry hopes more hotels will join Payung Rahmah initiative	https://m.malaysiakini.com/news/661304	MALAYSIAKINI
7-Apr	Offer Rahmah packages, minister urges hotels	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/04/06/offer-rahmah-packages-minister-urges-hotels/	FMT
7-Apr	Salahuddin hopes more hotels will join Payung Rahmah	https://www.thevibes.com/articles/business/89707/salahuddin-hopes-more-hotels-will-join-payung-rahmah	THEVIBES
7-Apr	KPDN hopes more hotels will join payung rahmah initiative	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2179441	BERNAMA
7-Apr	KPDN harap lebih banyak hotel sertai inisiatif Payung Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-harap-lebih-banyak-hotel-sertai-inisiatif-payung-rahmah-414318%3famp=1	ASTROAWANI
7-Apr	KPDN seru lebih ramai pengusaha hotel laksana inisiatif Payung Rahmah	https://www.kosmo.com.my/2023/04/06/kpdn-seru-lebih-ramai-pengusaha-hotel-laksana-inisiatif-payung-rahmah/	KOSMO
7-Apr	Ayam di JB RM11 sekilogram apalah jadi kata tiada kenaikan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/953913/ayam-di-jb-rm11-sekilogram-apalah-jadi-kata-tiada-kenaikan	HM

7-Apr	KPDN harap lebih banyak hotel sertai inisiatif Payung Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-harap-lebih-banyak-hotel-sertai-inisiatif-payung-rahmah-414318%3famp=1	ASTROAWANI
7-Apr	'Jangan jual barang 'cikai', cincai-cincai - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/954018/jangan-jual-barang-cikai-cincai-cincai-salahuddin	HM
7-Apr	Kerajaan kurangkan penglibatan orang tengah - PM	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/253303	SH
7-Apr	Kebergantungan terhadap orang tengah perlu dikurangkan, kata PM	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/436739	THEMALAYSIANINSIGHT
7-Apr	Anwar wants role of middlemen reduced for greater control over prices of goods	https://www.theedgemarkets.com/node/662447	THEEDGEMARKETS
7-Apr	Jualan Rahmah looks to expand with more sign-ups	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/07/jualan-rahmah-looks-to-expand-with-more-sign-ups	THESTAR
7-Apr	Jualan Rahmah: KPDN adakan lebih banyak libat urus dengan pengilang	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/253279	SH
7-Apr	Rahmah Sale: KPDN to hold more enegegement sessions with manufacturers	https://bernama.com/en/news.php?id=2179537	BERNAMA
7-Apr	Rahmah sale: KPDN to hold more engagement sessions with manufacturers	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/04/897006/rahmah-sale-kpdn-hold-more-engagement-sessions-manufacturers	NST

7-Apr	Rahmah sale: KPDN to hold more engagement sessions with manufacturers	https://www.thesundaily.my/home/rahmah-sale-kpdn-to-hold-more-engagement-sessions-with-manufacturers-GN10840732	THESUNDAILY
7-Apr	Kerajaan harap lebih banyak pengilang sertai Jualan Rahmah	https://wartaoriental.com/2023/04/06/kerajaan-harap-lebih-banyak-pengilang-sertai-jualan-rahmah/	WARTAORIENTAL
7-Apr	KPDN harap lebih banyak hotel sertai inisiatif Payung Rahmah	https://www.melakahariini.my/kpdn-harap-lebih-banyak-hotel-sertai-inisiatif-payung-rahmah/	MELAKAHARINI
7-Apr	KPDN hopes more hotels will join Payung Rahmah initiative	https://selangorjournal.my/2023/04/kpdn-hopes-more-hotels-will-join-payung-rahmah-initiative/	SELANGORJOURNAL